

Harga gula turun 10 sen

NOR SHAFAWATI YUP

27 Ogos 2018 12:18 PM




Gambar hiasan.

PUTRAJAYA - Harga kawalan gula akan turun sebanyak 10 sen per kilogram (kg) berkuat kuasa 1 September 2018 selaras dengan trend harga mentah di pasaran dunia yang semakin menurun.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKHEP), Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, penurunan itu menjadikan harga kawalan gula pasir kasar yang baharu adalah RM2.85kg manakala bagi gula pasir halus RM2.95kg.

"Harga pasaran gula melalui trend menurun harga yang semakin jatuh dan kita juga melihat bahawa pasaran domestik di negara jiran Asia turut melalui penurunan harga.

"Kita juga sedar bahawa isu kos sara hidup rakyat antara lain turut disumbangkan oleh peningkatan harga gula, maka kementerian setelah mengambil kira alasan-alasan tadi ingin maklumkan berkuat kuasa 1 September 2018 kepada KPDNKHEP akan turunkan harga gula pasir sebanyak 10 sen setiap kg," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.



Menurut Saifuddin, sebelum ini harga bagi gula pasir kasar adalah RM2.95/kg manakala gula pasir kasar pula RM3.05.

"Trend ini disebabkan penurunan harga gula di Asia seperti Indonesia RM3.58/kg iaitu turun RM1.58 seterusnya di Singapura turun kepada RM4.65 turun 40 sen dan Thailand harga runcit RM2.75 turun 25 sen," katanya. - K! ONLINE

AGENCY: Kosmo (Online)

LINK: <http://www.kosmo.com.my/terkini/harga-gula-turun-10-sen-1.736619>

